


Newspaper	SELANGORKINI
Date	11 NOVEMBER 2016

Urus ekonomi secara berhemat

Najib sila contohi Selangor

OLEH NAZLI IBRAHIM

SHAH ALAM - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak disarankan mencontohi Belanjawan Selangor 2017 ekoran negeri



itu terbukti mampu menguruskan ekonomi secara berhemat.

Ketua Umum Keadilan, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, Selangor turut menghargai khidmat penjawat awam dan meneruskan program kepedulian rakyat dalam bidang perumahan, pendidikan juga kesihatan.

Beliau berkata, sebaliknya pentadbiran Najib bertindak menekan rakyat dengan menaikkan harga bahan api dan minyak masak selepas Bajet

Persekutuan 2017 dibentangkan.

"Kedudukan ekonomi negara yang gawat kian meruncing dan membebankan rakyat. Selangor dua minggu bajet dibentangkan Menteri Kewangan, harga minyak mentah juga minyak masak dinaikkan dengan kadar melampau tinggi.

"Bajet itu tidak telus dan menyembunyikan muslihat kenaikan harga yang membebankan rakyat sedangkan minyak masak adalah hasil keluaran negara," katanya dalam kenyataan, pada 3 November lalu.

Pada masa sama, Anwar berkata, tindakan terdesak kerajaan menyerahkan kepentingan ekonomi negara kepada China bakal mengheret Malaysia kepada risiko.

"Kita bersetuju dan alukan kesediaan China melabur juga terlibat dalam kegiatan ekonomi negara, namun kebergantungan Malaysia kepada satu-

satu negara tidak wajar.

"Tindakan itu akan menjajaskan kepentingan kebebasan negara dan strategi geo-politik dasar luar negara," katanya.



Selangorkini - 11/11/2016